

14/09/1997

Manfaat besar kuasai bahasa Inggeris

Lan H

DARIPADA enam bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), bahasa Inggeris adalah paling utama dan penting. Ini kerana bahasa Inggeris digunakan secara meluas dengan hampir 500 juta penutur di seluruh dunia.

Sekalipun jumlah penutur bahasa ini kurang berbanding Mandarin (lebih 900 juta), kepelbagaian bangsa dan negara yang menerimanya sebagai bahasa utama, membolehkan bahasa Inggeris menjadi bahasa antarabangsa nombor satu dunia.

Berdasarkan perkembangan teknologi semasa seperti pengenalan televisyen satelit, telefon selular dan rangkaian komputer bagi memudahkan penduduk seluruh dunia berkomunikasi, bahasa Inggeris dilihat sebagai satu-satunya bahasa yang membolehkan penduduk dunia berinteraksi secara mudah dan berkesan.

Berhubung perkara ini, saya tertarik dengan gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapan perasmian Perhimpunan Agung Umno minggu lalu mengenai betapa pentingnya rakyat negara ini, terutama anak-anak Melayu menguasai bahasa Inggeris.

Dengan menguasai bahasa Inggeris, seseorang itu lebih mudah menyerap ilmu pengetahuan yang terdapat dalam bahasa itu bagi membantu membangun dan memajukan negara. Ini kerana ketika ini, sebahagian besar daripada khazanah ilmu ditulis dalam bahasa Inggeris.

Salah satu cabang ilmu yang paling cepat berkembang ketika ini ialah bidang komputer. Bahasa Inggeris, bersama-sama dengan teknologi komputer akan menjadi asas masa depan, ketika dunia memasuki abad dan alaf baru.

Betapa penting individu, bangsa atau sesebuah negara itu menguasai bahasa Inggeris diakui oleh Menteri Pendidikan Perancis, Claude Allegre, baru-baru ini. Beliau meminta rakyat Perancis supaya tidak lagi memusuhi bahasa Inggeris jika mahu seiring bangsa-bangsa maju lain pada masa depan.

"Kita mesti tidak lagi menganggap bahasa Inggeris sebagai satu bahasa asing. Kita tidak perlu lagi bercakap mengenai satu peperangan terhadap bahasa Inggeris. Itu sesuatu yang benar-benar ketinggalan zaman," kata Allegre.

Perancis sejak sekian lama melancarkan perang terhadap penuliran bahasa Inggeris dan bahasa lain.

Pada 1539 kerajaan Perancis mengeluarkan satu dekri mengarahkan penggunaan bahasa Perancis sepenuhnya di bidang kehakiman.

Mengikut undang-undang, sekurang-kurangnya 40 peratus muzik yang dimainkan di stesen radio Perancis mesti mempunyai lirik dalam bahasa Perancis.

Jika orang Perancis yang begitu taksub kepada bahasa mereka, terpaksa mengakui kehebatan bahasa Inggeris, saya berpendapat tidak ada sebab anak watan negara ini mengetepikan bahasa itu.

Mereka perlu menguasai bahasa Inggeris, memanfaatkan ilmu yang terdapat dalam bahasa itu dan kemudian menterjemahkannya dalam segala bidang penghidupan.

Sejarah bangsa-bangsa agung lalu menunjukkan betapa kesediaan mempelajari bahasa dan budaya asing, membolehkan mereka berada di puncak kejayaan tamadun.

Orang Arab pada awal kebangkitan Islam dulu mempelajari bahasa Greek, Latin dan Parsi bagi meningkatkan pengetahuan mereka manakala orang Eropah pada Zaman Kegelapan pula mempelajari bahasa Arab bagi menceduk pengetahuan dalam bahasa itu.

Untuk menjadi penakluk pun, sejarah menunjukkan pihak berkenaan terpaksa mempelajari bahasa dan budaya bangsa yang mereka mahu takluk. Dalam hal ini, ketekunan Stamford Raffles, Francis Light dan ramai lagi pentadbir Inggeris mempelajari bahasa Melayu membolehkan mereka mengetahui kelemahan bangsa kita, seterusnya mengeksploitasinya.

(END)